


Tarikh: 9 Ogos 2023



---

# **POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

## **UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

---

**BERKUAT KUASA MULAI: 10 OGOS 2023**

No. Rujukan: HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01



---

**POLISI OPERASI  
UNIT HEMODIALISIS  
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**  
Tel./Ext. : 088-324600 / 2159

DI SEDIAKAN-OLEH :

( EDWID BIN AWANG TANGAH )  
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U32

DI SEMAK OLEH :

( RASNIN HJ RASTIM )  
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U36  
KETUA UNIT HEMODIALISIS


DISAHKAN OLEH :

(DR FERRO FIRDAUS BIN IBRAHIM)  
PENGARAH HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II

---


DIKEMASKINI PADA: 9 OGOS 2023




	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 4 dari 31</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>		

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PINDAAN DAN KEMASKINI</b> .....	<b>3</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>4</b>
<b>1. PENGENALAN</b> .....	<b>6</b>
<b>2. VISI, MISI DAN OBJEKTIF KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b> .....	<b>6</b>
<b>3. VISI, MISI DAN OBJEKTIF HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b> .....	<b>7</b>
<b>4. VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b> .....	<b>7</b>
<b>5. FUNGSI UNIT</b> .....	<b>8</b>
<b>6. MASA OPERASI</b> .....	<b>8</b>
<b>7. KLINIK LAWATAN PAKAR NEFROLOGI</b> .....	<b>9</b>
<b>8. KEMUDAHAN FASILITI</b> .....	<b>9</b>
<b>9. CARTA ORGANISASI UNIT HEMODIALISIS</b> .....	<b>11</b>
<b>10. PIAGAM PELANGGAN</b> .....	<b>12</b>
<b>11. NILAI-NILAI MURNI</b> .....	<b>12</b>
<b>12. PERATURAN UNIT HEMODIALISIS</b> .....	<b>13</b>
<b>13. POLISI KEMASUKAN PESAKIT TETAP KE UNITHEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b> .....	<b>14</b>
<b>14. PENDAFTARAN DAN DISCAJ PESAKIT HEMODIALISIS</b> .....	<b>15</b>
<b>15. RAWATAN PESAKIT, PELAN PENJAGAAN DAN RINGKASAN HEMODIALISIS.</b> .....	<b>16</b>
<b>16. JADUAL KEKERAPAN UJIAN DARAH DI LAKUKAN SEBELUM PESAKIT DI PERIKSA OLEH PAKAR NEFROLOGI.</b> .....	<b>17</b>
<b>17. PENGURUSAN RAWATAN PESAKIT KE UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b> .....	<b>17</b>
<b>18. PENGURUSAN BAJET, UBAT UBATAN DAN BAHAN KEPERLUAN RAWATAN DIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b> .....	<b>18</b>
<b>19. KAKITANGAN.</b> .....	<b>18</b>

	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 5 dari 31</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>		

<b>20.</b>	<b>PENTADBIRAN KLINIK LAWATAN NEFROLOGI. ....</b>	<b>20</b>
<b>21.</b>	<b>PESAKIT-PESAKIT YANG MENDAPAT RAWATAN SEMASA KLINIK LAWATAN PAKAR NEFROLOGI HOSPITAL QUEEN ELIZABETH . ....</b>	<b>20</b>
<b>22.</b>	<b>REKOD PERUBATAN PESAKIT UNIT HEMODIALISIS DAN REKOD PESAKIT KLINIK LAWATAN NEFROLOGI. ....</b>	<b>20</b>
<b>23.</b>	<b>PENGURUSAN PESAKIT JIKA PENUTUPAN UNIT HEMODIALISIS ATAS SEBAB-SEBAB KECEMASAN SERTA URUSAN PENGHANTARAN PESAKIT KE PUSAT DIALISIS LAIN YANG BERDEKATAN. ....</b>	<b>21</b>
<b>24.</b>	<b>PENGURUSAN PENGASINGAN PESAKIT HEMODIALISIS YANG BERJANGKIT (e.g HEPATITIS C, B, HIV, UNKNOWN) ....</b>	<b>22</b>
<b>25.</b>	<b>PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN BERKAITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI UNIT HEMODIALISIS. ....</b>	<b>22</b>
<b>26.</b>	<b>ASPEK UTAMA POLISI. ....</b>	<b>23</b>
<b>27.</b>	<b>RINGKASAN POLISI. ....</b>	<b>24</b>
<b>28.</b>	<b>CARTA ALIRAN / FLOW CHART.....</b>	<b>25</b>
<b>29.</b>	<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>31</b>
<b>30.</b>	<b>RUJUKAN.....</b>	<b>31</b>

	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 6 dari 31</b>
	<b>LATARBELAKANG</b>		

## **1. LATARBELAKANG**

### **1.1 PENGENALAN**

Unit Hemodialisis Hospital Queen Elizabeth II terletak di Aras 2 sebelah sayap kanan bangunan Hospital Queen Elizabeth II. Unit ini mula beroperasi bersama dengan Sabah Medical Center ia itu sebuah entiti Hospital Swasta pada pertengahan tahun 2008 apabila unit Intensive Care Unit (ICU) Hospital Queen berpindah ke bangunan ini disebabkan oleh masalah struktur bangunan di Hospital Queen Elizabeth. Pada mulanya operasi adalah untuk menampung kes kes akut sahaja.

Unit ini secara rasminya beroperasi secara berasingan daripada Hospital Queen Elizabeth pada bulan Januari 2014 apabila Unit ini telah terdaftar dengan National Renal Registry (NRR).

### **1.2 VISI**

Memberi perkhidmatan rawatan dialisis agar pesakit dapat mencapai rehabilitasi dan menjalani kualiti hidup yang paling optima

### **1.3 MISI**

Memberi rawatan dialisis yang cukup, selamat dan berkesan berdasarkan kepada piawaian kualiti rawatan dialisis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan diiktiraf oleh Malaysian Society of Quality in Health(MSQH)


### **1.4 OBJEKTIF**

1.4.1 Menyediakan rawatan hemodialisis akut dan kronik kepada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang.

1.4.2 Menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan maklumat, nasihat dan kaunseling mengenai penyakit buah pinggang dan sebagai rujukan dan rawatan susulan serta penyiasatan awal sebelum "workup" bagi pemindahan buah pinggang

### **1.5 OBJEKTIF KUALITI UNIT HEMODIALISIS**

Perawatan Hemodialisis bagi pesakit kronik mencapai Kt/v lebih daripada 1.2 atau 80% dalam tempoh 6 bulan


	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 7 dari 31</b>
	<b>LATARBELAKANG</b>		

## 1.6 PIAGAM PELANGGAN

- 1.6.1 Pesakit akan dilayan dengan baik mengikut etika perubatan tanpa mengira umur, jantina, latar belakang keturunan, status sosio-ekonomi, kedudukan pangkat atau anutan kepercayaan.
- 1.6.2 Masa menunggu rawatan dialisis bagi kes-kes rutin adalah 45 minit, manakala bagi kes-kes akut/kecemasan adalah 30 minit.
- 1.6.3 Jadual rawatan pesakit adalah berdasarkan kepada jadual yang telah dimaklumkan kepada pesakit. Sebarang penjadualan semula akan dimaklumkan kepada pesakit dan keluarga.
- 1.6.4 Pesakit diberi jaminan bahawa semua anggota unit akan mengamalkan budaya korporat KKM semasa menjalankan tugas.
- 1.6.5 Pesakit yang akan diterima masuk dalam program rawatan dialisis kronik adalah berdasarkan kepada senarai terdahulu dan teratas.
- 1.6.6 Kes-kes 'transit' akan dirawat apabila telah mendapat keizinan daripada pakar Nefrologi KKM
- 1.6.7 Penangguhan rawatan akan dimaklumkan kepada pesakit dan keluarga jika berlaku kerosakan mesin, ketiadaan bekalan air atau ketiadaan bekalan elektrik.
- 1.6.8 Rawatan dialisis kepada pesakit kronik adalah berdasarkan kepada piawaian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

## 1.7 KEWAJIPAN PESAKIT


- 1.7.1 Pesakit hendaklah menepati jadual rawatan yang telah ditetapkan.
- 1.7.2 Pesakit hendaklah mengikut arahan yang telah diberikan oleh anggota unit dan pakar
- 1.7.3 Pesakit hendaklah menjaga keselamatan harta benda peribadi semasa rawatan.

	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 8 dari 31</b>
	<b>LATARBELAKANG</b>		

## **1.8 PERATURAN UNIT HEMODIALISIS**


Pesakit perlu mematuhi setiap arahan berkaitan rawatan daripada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan bagi menjamin taraf kesihatan yang berkualiti dan selamat kepada pesakit.

- 1.8.1 Rawatan hemodialisis ada rawatan untuk sepanjang hayat pesakit. Semua pesakit akan diberi tunjukajar dan digalakkan untuk menjalani self care dialisis. Pengiring atau pembantu pesakit juga harus mempelajari tentang proses-proses berkaitan dengan rawatan dialisis.
- 1.8.2 Pesakit tidak boleh memilih mesin hemodialisis untuk rawatan.
- 1.8.3 Pesakit telah uzur / tua hendaklah membawa seorang pengiring (penjaga) secara tetap dan tidak bertukar-tukar supaya tiada kesukaran semasa belajar cara-cara penyediaan asas dialisis.
- 1.8.4 Tempoh belajar adalah selama tiga bulan bagi setiap pesakit (terutamanya pesakit tetap di unit ini). Pesakit / pengiring mestilah mempunyai inisiatif untuk belajar kerana rawatan ini adalah sepanjang hayat.
- 1.8.5 Hanya seorang pelawat / penjaga dibenarkan berada dalam unit semasa rawatan dijalankan.
- 1.8.6 Jika berlaku ketidakpuasan pesakit hendaklah merujuk ke Pakar Perubatan atau Penolong Penolong Perubatan Yang Menjaga Unit Hemodialisis.
- 1.8.7 Setiap kes-kes yang melibatkan atau membawa kepada ancaman keselamatan kepada anggota oleh pesakit / pengiring akan dilaporkan kepada pihak polis atau rawatannya akan dihentikan dengan serta-merta.
- 1.8.8 Setiap pesakit yang membayar rawatan hemodialisis mestilah menjelaskan bil bayaran pada tempoh yang telah ditetapkan.
- 1.8.9 Borang persetujuan pesakit untuk rawatan hemodialisis akan ditandatangani oleh pesakit setahun sekali.

	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 9 dari 31</b>
	<b>STRUKTUR ORGANISASI</b>		

## 2.0 STRUKTUR ORGANISASI

### 2.1 CARTA ORGANISAS UNIT HEMODIALISIS



**KPPP** – Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Hospital


**KPJH** – Ketua Penyelia Jururawat Hospital

**PPP** – Penolong Pegawai Perubatan

**KJ** – Ketua Jururawat

**JT** – Jururawat Terlatih

**PPK** - Pembantu Perawatan Kesihatan

	<b>HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II</b>		
	<b>NAMA DOKUMEN</b>	<b>POLISI OPERASI UNIT HEMODIALISIS</b>	<b>NO. Siri: 00</b>
	<b>NO. DOKUMEN</b>	<b>HQE2/HDU(DOK.DLMN)/01</b>	<b>Muka Surat 10 dari 31</b>
	<b>STRUKTUR ORGANISASI</b>		

## 2.2 FUNGSI UNIT

- 2.2.1 Memberi rawatan kepada pesakit **ESRF (End Stage Renal Failure)** yang layak mengikut kriteria tertentu dan dimasukkan ke dalam program rawatan dialisis. **Masa rawatan setiap pesakit adalah 4 jam untuk 3 kali seminggu.** Pesakit yang dirawat dalam kategori inimiditetapkan rawatannya oleh Pakar Nefrologi dan jadual ditetapkan oleh Pengurusan Unit Hemodialisis.
- 2.2.2 Memberi rawatan kepada pesakit ESRF yang telah dimasukkan ke dalam wad dan dirujuk daripada Hospital lain di Sabah atau Sarawak untuk rawatan perkhidamatan lain seperti 'Vascular Access' Pembedahan Kilang Parathyroid, Kes-kes Orthopedik, Kes-kes pembedahan jantung dan kes-kes yang berkaitan.
- 2.2.3 Memberi rawatan kes-kes akut.
- 2.2.4 Memberi rawatan susulan kepada pesakit-pesakit yang sedia ada oleh Pakar Nefrologi.

## 2.3 MASA OPERASI

### 2.3.1 UNIT HEMODIALISIS

Anggota di unit ini akan ditugaskan mengikut 2 syif waktu bekerja setiap hari termasuk Hari kelepasan AM KECUALI HARI AHAD dan anggota unit juga terlibat dengan tugas atas panggilan mengikut jadual:

#### **ISNIN HINGGA SABTU**

**Syif pagi** : Bermula pada Jam 7.00pagi hingga 2.00 petang

**Syif petang** : Bermula pada jam 2.00 petang hingga 9.00 malam

**On-Call** : Bermula pada jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi

#### **HARI AHAD**

**On-Call** : Bermula pada jam 7.00 pagi hingga 7.00 pagi

### 2.3.2 WAKTU RAWATAN PESAKIT

**Sesi Pertama** : Bermula pada jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi

**Sesi Kedua** : Bermula pada jam 11.30 pagi hingga 3.30 petang

**Sesi Ketiga** : Bermula pada jam 4.00 petang hingga 8.00 malam

### **13. POLISI KEMASUKAN PESAKIT TETAP KE UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

Pemilihan kemasukan pesakit ke program Unit Hemodialisis :-

- 13.1 Pesakit yang hendak memohon untuk mendapatkan rawatan kekal di Hospital Queen Elizabeth II, dimestikan melalui kelulusan Pakar Nefrologi dengan melalui arahan yang dikeluarkan oleh Pakar Nefrologi Hospital Queen Elizabeth.
- 13.2 Pesakit yang diberi keutamaan untuk dimasukkan dalam program dialisis HQE II adalah dibawah tanggungjawab Pakar Nefrologi.
- 13.3 Kemasukan pesakit untuk rawatan di HQE II adalah berdasarkan kepada ketersediaan slot.
- 13.4 Rekod senarai menunggu (waiting lists) akan dirujuk oleh Pakar Nefrologi dalam mengagihkan pesakit untuk dimasukkan ke dalam program rawatan dialisis tetap.
- 13.5 Status serologi pesakit akan dipastikan sebelum dimasukkan ke senarai menunggu.
- 13.6 Pesakit yang mempunyai serologi positif tidak akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu HQE II.

### **7. KLINIK LAWATAN PAKAR NEFROLOGI**

Klinik Pakar Nefrologi diadakan setiap 3 bulan sekali di mana lawatan Pakar Nefrologi diadakan di Unnit Hemodialisis Hospital Queen Elizabeth II

### **8. KEMUDAHAN FASILITI**

- Unit ini beroperasi dengan kelengkapan seperti:
  - Mesin Reverse Osmosis HD Integra : 2 buah  
Kegunaan: Memproses air untuk kegunaan rawatan hemodialisis.
  - Mesin Portable Reverse Osmosis : 5 buah  
Kegunaan: Memproses air untuk kegunaan rawatan hemodialisis.
  - Mesin Hemodialisis : 24 buah  
Kegunaan: Memproses rawatan darah pesakit melalui dializer.
  - Mesin Hemodialisis HDF / SLED : 2 buah  
Kegunaan: Memproses rawatan darah pesakit melalui dialyzer.
  - Mesin Reprocessor Dialyser : 4 buah  
Kegunaan: Memproses bersih dialyzer pesakit untuk guna semula.
  - Mesin Dialyzer Rinsing : 2 buah  
Kegunaan: Memproses bersih disinfecant dari dialyzer pesakit guna semula.

- Unit ini juga mempunyai beberapa bahagian antaranya ialah:
  - **Ruang menunggu**  
Ruang ini disediakan dengan kemudahan tempat duduk di bahagian luar unit. Ini memudahkan dan menyelesaikan pesakit ketika menunggu giliran untuk slot mereka.
  - **Ruang Rawatan (Treatment Bay)**  
Ruang rawatan yang dilengkapi dengan mesin hemodialisis. Meja dan kerusi rawatan bagi setiap pesakit.
  - **Bilik Memproses Dializer**  
Sebuah bilik untuk memproses dan membersihkan dializer yang telah digunakan untuk digunakan semula. Sebanyak maksimum 12 kitaran bagi setiap dializer.
  - **Bilik Reverse Osmosis**  
Bilik ini terletak di bahagian belakang unit. Ia menempatkan mesin sistem rawatan air (reverse osmosis) bagi kegunaan rawatan hemodialisis.
  - **Bilik Stor**  
Terdapat 2 bilik stor di unit ini. Bagi stor besar, ia untuk menempatkan barangan dalam kuantiti yang banyak dan besar. Bagi stor kecil, ia menempatkan barangan yang ditempah dalam kuantiti yang sedikit dan kecil.
  - **Bilik Pantry**  
Bilik ini digunakan untuk anggota menjamu selera dengan bekalan masing-masing dan berehat seketika.
  - **Bilik Pengurus Unit Hemodialisis**  
Bilik ini terletak bersebelahan dengan pantry dan ruang rawatan pesakit. Ia digunakan untuk aktiviti pengurusan dan pentadbiran unit hemodialisis.



#### **14. PENDAFTARAN DAN DISCAJ PESAKIT HEMODIALISIS**

- 14.1 Pendaftaran pesakit.
- 14.2 Buku daftar diwujudkan bagi sebarang pesakit yang menerima rawatan HD.
- 14.3 Buku rawatan pesakit hemodialisis Hospital HQE II disediakan kepada semua pesakit tetap. Butir-butir yang terdapat dalam Buku Rawatan('Cover') adalah seperti berikut:
  - 14.3.1 Nama.
  - 14.3.2 No. KPT ( Baru / Lama ).
  - 14.3.3 Jantina.
  - 14.3.4 Alamat.
  - 14.3.5 Nombor telefon Rumah / Bimbit.
  - 14.3.6 Tarikh memulakan dialisis.
  - 14.3.7 Keluarga terdekat:

- 14.3.8 Dos Epo ( Inj ).
- 14.3.9 Dry Weight.

14.4 Butir-butir rawatan lain yang perlu dicatat dalam Buku Rawatan adalah seperti berikut:

- 14.4.1 Nama.
- 14.4.2 Masa datang.
- 14.4.3 Masa pulang.
- 14.4.4 HD Treatment
- 14.4.5 Pre HD Assessment
- 14.4.6 Observation
- 14.4.7 Post HD Assessment
- 14.4.8 General Remarks.
- 14.4.9 Hemodialisis clinical chart.

14.5 Semua pesakit mempunyai Fail Kes. Dalam fail ini terdapat rekod medikal, *clinical review* ( hemodialisis ) carta makmal, radiologi, pembedahan dan lain-lain yang berkaitan.

14.6 Pesakit discaj. rekod hendaklah dimasukkan didalam Sistem Maklumat Rawatan Pesakit ( SMRP ).

## **15. RAWATAN PESAKIT, PELAN PENJAGAAN DAN RINGKASAN HEMODIALISIS.**

15.1 Jadual rawatan pesakit.

15.1.1 Jadual ini merujuk kepada jadual aktiviti lawatan oleh Pakar Nefrologi Hospital Queen Elizabeth.

15.1.2 Jadual ini merangkumi:

15.1.2.3 3 bulan sekali rawatan susulan semula yang akan dilakukan Unit Hemodialisis HQE II.

15.1.2.4 Melibatkan semua pesakit tetap yang di rawat di Unit Hemodialisis HQE II.

15.2 Pelan penjagaan tambahan pesakit.

15.2.1 Pelan ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti pemerhatian pesakit semasa rawatan HD dijalankan agar penjagaan yang

komprehensif dapat dirancang bagi memastikan kesihatan pesakit ke tingkat optima.

15.2.2 Ini termasuklah:

- 15.2.2.1 Keadaan am pesakit.
- 15.2.2.2 Tahap keadaan '*Vascular Access*'.
- 15.2.2.3 Status pemakanan.
- 15.2.2.4 Preskripsi hemodialisis.
- 15.2.2.5 Masalah intra-dialisis.
- 15.2.2.6 Komplikasi jangka panjang berkaitan penyakit dan rawatan.
- 15.2.2.7 Pertanyaan dan rujukan.
- 15.2.2.8 Discaj

15.2.3 Butir butir diatas akan direkodkan dalam Buku Rawatan /Fail Pesakit.

15.3 Pelan pelaksanaan penjagaan.

- 15.3.1 Rawatan hemodialisis berpandukan preskripsi dan pengurusan intra dialisis.
- 15.3.2 Merujuk ke klinik vaskular, diatetik dan lain-lain klinik yang berkaitan bila di perlukan.

## **16. JADUAL KEKERAPAN UJIAN DARAH DI LAKUKAN SEBELUM PESAKIT DI PERIKSA OLEH PAKAR NEFROLOGI.**

Ujian darah setiap 3 dan 6 bulan sekali.

- 1. Renal Profile.
- 2. Blood Urea ( Pre & Post Dialysis )
- 3. Liver Function Test ( LFT ).
- 4. Full Blood Count ( FBC ).
- 5. Calcium Phosphate.
- 6. Intact PTH.
- 7. Fasting Blood Sugar.
- 8. Iron Study.
- 9. Lipid Profile 6/12
- 10. Serum Magnesium.
- 11. HbA1C ( If Diabetics) 3 – 6 / 12
- 12. Hep.Bs, ( Antibody 6/12 )
- 13. Hep Bs Ag, HIV ,HCV ( Antigen 3/12 )

## **17. PENGURUSAN RAWATAN PESAKIT KE UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

- 17.1 Unit Hemodialisis HQE II adalah rawatan khusus kepada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang akut dan kronik. Pengurusan kemasukkan pesakit kronik adalah seperti berikut:
- 17.1.1. Pengambilan masuk kes-kes ESRF hendaklah terlebih dahulu di nilai dan diputuskan oleh Pakar Nefrologi Negeri yang bertugas di Hospital Queen Elizabeth. Permohonan untuk mendapat rawatan tetap atau sementara adalah melalui kata putus Pakar Nefrologi Negeri.
  - 17.1.2. Kes kes pesakit ESRF yang sedang menerima rawatan di Pusat/Hospital lain dan hendak menumpang sementara di unit ini tidak akan diterima kecuali bagi kes kes yang telah dimasukkan ke wad di Hospital ini.
  - 17.1.3. Bagi kes kes akut, penilaian dan penetapan rawatan adalah dibuat oleh Pakar Nefrologi dan rawatan dialisis akan dibuat di tempat tempat yang telah ditetapkan untuk menjalankan rawatan dialisis tersebut, iaitu sama ada di Unit Hemodialisis, Unit rawatan rapi atau di Wad yang mempunyai 'water point'.
  - 17.1.4. Caj rawatan akan dikenakan kepada pesakit yang telah menerima rawatan dialisis seperti yang terkandung dalam Akta Fee.

## **4.0 PENGURUSAN KORPORAT**

### **4.1 PENGURUSAN BAJET, UBAT UBATAN DAN BAHAN KEPERLUAN RAWATAN DIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

- 4.1.1 Pengurusan unit hemodialisis dari segi bajet, peralatan, alat 'disposable' dan 'pharmaceutical items' adalah dilakukan oleh Ketua Unit selaku Pengurus Dialisis berdasarkan kepada peraturan peraturan Kerajaan sedia ada.

### **4.2 KAKITANGAN.**

#### **4.2.1 Pakar Nefrologi / Perubatan.**

Tugas:

- 4.2.1.1 Bertanggungjawab kepada Pakar Nefrologi dari unit hemodialisis Pusat.
- 4.2.1.2 Bertanggungjawab ke atas pesakit-pesakit dari segi pentadbiran dan rawatan termasuk semasa kecemasan.

#### **4.2.2 Pegawai Perubatan Tempatan ( Hospital ).**

Tugas :

- 4.2.2.1 Bertanggungjawab kepada Pakar Perunding Nefrologi Pusat dan Pakar Nefrologi / Perubatan Tempatan.

#### **4.2.3 Penolong Pegawai Perubatan Y/M ( Pengurus Dialisis )**

Tugas:

#### **4.2.3.1 Tugas Pentadbiran**

4.2.3.1.1 Penyeliaan kakitangan termasuk membuat jadual tugas Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

4.2.3.1.2 Mengawasi kebersihan, keselamatan bangunan dan penjagaan setiap masa.

4.2.3.1.3 Membuat cadangan anggaran perbelanjaan tahunan dan pesanan yang di kemukakan.

4.2.3.1.4 Menjaga peralatan di dalam Unit Hemodialisis.

4.2.3.1.5 Membuat proses pelupusan barang-barang peralatan.

4.2.3.1.6 Mengeluarkan dan meluluskan cuti tahunan, mengurus cuti sakit.

4.2.3.1.7 Membincangkan masalah kakitangan dan pesakit.

4.2.3.1.8 Menyediakan penyata tahunan mengenai aktiviti-aktiviti di Unit Hemodialisis

#### **4.2.3.2 Tugas-tugas Klinikal**

4.2.3.2.1 Mempastikan semua aktiviti-aktiviti berjalan dengan selamat dan teratur.

4.2.3.2.2 Memberi latihan kepada kakitangan baru dan pesakit.

4.2.3.2.3 Melatih pesakit dalam Rancangan Hemodialisis di rumah sekiranya ada pesakit yang memerlukan (Jika ada).

#### **4.2.3.3 Tugas Teknikal.**

4.2.3.3.1 Mempastikan semua mesin dan peralatan berfungsi dengan baik dan selamat.

4.2.3.3.2 Membuat service request sekiranya ada mesin yang perlu di kalibrasi.

4.2.3.3.3 Menyediakan "**Evaluation report**" untuk peralatan dalam ujian.

4.2.3.3.4 Menjadi ahli dalam jawatankuasa teknikal jabatan.

#### **4.2.3.4 Tugas Tambahan**

4.2.3.4.1 Mengadakan "**Teaching Session**" bersama pesakit tentang rawatan, makanan, minuman dan lain-lain.

4.2.3.4.2 Menjalankan tugas-tugas yang di arahkan oleh Ketua Jabatan / Pakar Perubatan dan Pengarah Hospital.

### **4.2.4 Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat Terlatih**

Tugas:

4.2.4.1 Melakukan prosedur rawatan hemodialisis.

4.2.4.2 Membuat prosedur-prosedur mendapatkan "**Blood access**" seperti "**Insertion of branula**".

4.2.4.3 Menghantar ujian makmal dan ujian-ujian "**Radiography**" yang di jadualkan dan yang berkaitan.

4.2.4.4 Membuat prosedur-prosedur "**Sequential Ultrafiltration** (SU ).

4.2.4.5 Membuat prosedur-prosedur "**Tight Heparin**".

4.2.4.6 Membuat prosedur penggunaan semula "**Dialyser**".

4.2.4.7 Memberi latihan pengendalian rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit dalam rancangan hemodialisis di rumah pesakit untuk rawatan harian sekiranya ada pesakit yang memerlukan.

4.2.4.8 Membantu dalam persediaan pesakit yang akan menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang di tempat-tempat di mana perkhidmatan Nefrologi sudah di mulakan.

4.2.4.9 Membuat pemesanan ubat-ubatan.

4.2.4.10 Menyelenggarakan pertukaran barangan CSSU dan dobi.

4.2.4.11 Menilai kemajuan pesakit.

4.2.4.12 Memastikan carta berkaitan sentiasa di kemaskinikan.

4.2.4.13 Membuat service request sekiranya ada mesin yang perlu di kalibrasi.

- 4.2.4.14 Mengawal mutu prestasi mesin-mesin hemodialisis dan peralatan-peralatan yang digunakan semasa dalam rawatan hemodialisis.
- 4.2.4.15 Mengendalikan buku rekod penjagaan mesin-mesin hemodialisis dalam keadaan kemaskini.
- 4.2.4.16 Menjalankan kerja-kerja tugas atas panggilan seperti dalam jadual.

#### **4.5.5 Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)**

Tugas:

##### 4.5.5.1 Tugas-tugas kebersihan dalam kawasan Unit.

- Tugas tugas penghantaran/pengambilan surat surat Pekeliling dan lain lain yang berkaitan dengan urusan pejabat dan urusan dengan Unit unit yang berkaitan
- Memberi bantuan kepada pesakit sebelum semasa dan selepas rawatan dialisis.
- Mengendalikan semua bahan bahan yang berkaitan dengan rawatan dialisis agar teratur, kemas dan mudah dicapai.
- Membantu Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih dalam penyediaan peralatan bahan dan mesin dialisis untuk digunakan di Wad atau di ICU.
- Membantu Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih dalam mengemaskini buku inventori stor unit .
- Membantu Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat Terlatih dalam penggunaan semula dialyser.
- Lain lain tugas yang diarah dari masa ke semasa.

## **20. PENTADBIRAN KLINIK LAWATAN NEFROLOGI.**

Klinik lawatan Nefrologi dan unit hemodialisis ditadbir oleh kakitangan yang sama dan semua aktiviti klinik lawatan Nefrologi adalah di uruskan oleh kakitangan yang bertugas di hemodialisis.

- I. Penolong Pegawai Perubatan.  
Penolong Pegawai Perubatan yang menjaga ( Y/M ) juga bertindak sebagai penyelarass ( Koordinator ) dan memastikan supaya pesakit-pesakit yang akan berjumpa dengan Pakar Nefrologi semasa klinik lawatan di unit hemodialisis hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan supaya mendapat perkhidmatan dengan baik.
  - i. Menyiasat sebarang aduan dari pesakit dan mengambil tindakan dengan segera.
  - ii. Memastikan kebersihan dan kesejahteraan pesakit.
- II. Jururawat Terlatih.  
Bertanggungjawab menentukan perjalanan klinik lancar dan memuaskan.
  - i. Membantu Pakar Nefrologi / Perubatan semasa pemeriksaan pesakit.
  - ii. Memberi temujanji kepada pesakit-pesakit untuk klinik lawatan dan klinik ulangan.
  - iii. Menerima arahan dari Pakar Nefrologi / Perubatan.
- III. Pembantu Perawatan Kesihatan ( PPK ).
  - i. Menjaga kebersihan unit.
  - ii. Menyediakan alat-alat keperluan pemeriksaan yang akan di gunakan.
  - iii. Melakukan kerja-kerja berbangkit.

**21. PESAKIT-PESAKIT YANG MENDAPAT RAWATAN SEMASA KLINIK LAWATAN PAKAR NEFROLOGI HOSPITAL QUEEN ELIZABETH .**

- i. Kesemua pesakit yang di rawat adalah terdiri daripada pesakit-pesakit tetap unit hemodialisis Hospital Queen Elizabeth II.
- ii. Semua pesakit akan diperiksa oleh Pakar Nefrologi.

**22. REKOD PERUBATAN PESAKIT UNIT HEMODIALISIS DAN REKOD PESAKIT KLINIK LAWATAN NEFROLOGI.**

- i. Rekod-rekod pesakit disimpan di Unit Hemodialisis.
- ii. Nota pesakit luar dan nota rawatan pesakit semasa di wad di simpan di satu fail yang sama.
- iii. Kes-kes lama yang berpindah dari unit hemodialisis lama ke unit hemodialisis baru perlu didaftarkan sebagai pesakit baru.
- iv. Pesakit baru yang ditempatkan secara tetap di Unit ini oleh Pakar Nefrologi akan didaftarkan ke ***National Renal Registry(NRR)*** dan ***SMRP*** .
- v. Cara merekod asas adalah dengan menggunakan nombor Kad Pengenalan pesakit.

**23. PENGURUSAN PESAKIT JIKA PENUTUPAN UNIT HEMODIALISIS ATAS SEBAB-SEBAB KECEMASAN SERTA URUSAN PENGHANTARAN PESAKIT KE PUSAT DIALISIS LAIN YANG BERDEKATAN.**

- i. Memaklumkan pada Pengarah Hospital dan Pakar Nefrologi tentang punca penutupan unit Hemodialisis mengikut pelan kontigensi.
- ii. Menyediakan dokumen pesakit yang terkini dari segi status viral, jenis dialyzer serta ubatan yang pesakit terima.
- iii. Sekiranya penutupan unit disebabkan oleh Bencana seperti:
  - a) **Bencana dalaman**
    - Kebakaran
    - Bekalan Elektrik
    - Bekalan Air
    - Tumpahan Biohazard / Sisa Klinikal Berbahaya
  - b) **Bencana luaran**
    - Bencana Alam (banjir, tanah runtuh, ribut taufan)
    - Bencana Persekitaran (letupan, kebakaran, rusuhan, keganasan awam, peperangan)
    - Bencana Wabak Penyakit
- iv. Menghubungi Pengurus unit Hemodialisis Hospital Kerajaan yang berhampiran untuk menumpangkan pesakit samada pesakit berstatus Negatif atau berstatus Positif. Hospital yang berdekatan:
  - Hospital Queen Elizabeth
  - Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas

- Hospital Tuaran
  - Hospital Papar
- v. Memaklumkan kepada pesakit/waris sebab-sebab penutupan unit Hemodialisis dengan kadar segera.
  - vi. Memaklumkan kepada mereka tentang tarikh, shif rawatan, dan masa perpindahan berkuatkuasa dan tempat rawatan yang akan mereka terima rawatan.
  - vii. Pihak pengurusan unit Hemodialisis akan menguruskan penghantaran pergi dan pulang pesakit ke unit Hemodialisis Hospital Kerajaan yang lain diiringi anggota unit Hemodialisis Hospital Queen Elizabeth II.

**IV. Sekiranya penutupan unit disebabkan oleh kegagalan pihak sokongan hospital dalam penyelenggaraan mesin Reverse Osmosis, pihak sokongan hospital perlu menguruskan pengendalian pengangkutan dan rawatan pesakit di mana-mana pusat Dialisis swasta yang diiktiraf. (Rujuk Schedule Maintenance 2021 Biomedical Engineering Maintenance Service (BEMS))**

**BEMS-17.1.3 Contingency Plan For Hemodialisis Service**

- BEMS-17.1.3.1 – Reference document of concession Agreement Clause 43.2 page 78
- BEMS-17.1.3.2 – Reference document of POG/BEMS/2015 page 53
- BEMS-17.1.3.2 – Reference document of POG/BEMS/2015 page 64

**24. PENGURUSAN PENGASINGAN PESAKIT HEMODIALISIS YANG BERJANGKIT (e.g HEPATITIS C, B, HIV, UNKNOWN)**

- i. Semua pesakit yang positif "Blood Borne Viral Infection" seperti Hepatitis c akan disediakan tempat rawatan, peralatan dan mesin yang berasingan.
- ii. Semua anggota yang melakukan prosedur pada pesakit perlu mematuhi tatacara "universal precaution" seperti memakai glove. Sepasang Glove hanya boleh digunakan pada seorang pesakit sahaja.
- iii. Peralatan pakai buang (single use) yang digunakan untuk pesakit berjangkit hendaklah di buang terus ke tong kuning (clinical waste) yang dkhaskan.
- iv. Cuci dan disinfek kawasan/ruang rawatan pesakit yang dijangkiti (e.g: kerusi, meja, dan mesin).
- v. Peralatan untuk pemeriksaan pesakit seperti "BP Cuff" dan thermometer disediakan khas di ruang yang telah ditetapkan.
- vi. Ubatan vial yang tidak digunakan atau bahan-bahan lain seperti "spirit swab" yang dibawa ke pesakit yang dijangkiti sama sekali TIDAK BOLEH diberi atau dibawa keluar dari kawasan ruang isolasi untuk digunakan pada pesakit lain.
- vii. Penggunaan dialyzer adalah pakai buang (single use) sahaja.
- viii. Staff sokongan hospital (pihak konsesi) yang bertugas di kawasan/ Bay ini akan diberi tunjuk ajar cara-cara pencegahan bagi mengelak sebarang risiko jangkitan.

ix. **Semua kakitangan diwajibkan membuat ujian "viral status" setiap tahun.**

x. Untuk rujukan tambahan boleh merujuk kepada "*Policies and Procedure on infection Prevention and Control version 2018*"

## **25. PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN BERKAITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI UNIT HEMODIALISIS.**

Semua pengendalian atau pengurusan berkaitan Covid-19 mestilah merujuk kepada "*GUIDELINE ON MANAGEMENT OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) IN DIALYSIS CENTRE & NEPHROLOGY UNITS – MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA Updated on 28<sup>th</sup> April 2021*". – ANNEX 28

## **26. ASPEK UTAMA POLISI.**

- i. Perkhidmatan Harian.
  - Kerja pembersihan am di unit di jalankan oleh perkhidmatan sokongan hospital selepas diswastakan.
- ii. Bekalan
  - Bekalan konsumable diperolehi dari stor integrasi hospital.
- iii. Pengendalian Sisa Sampah.
  - Sisa klinikal dan sampah di isi dalam plastik mengikut warna yang ditetapkan.
  - Kutipan sisa di jalankan setiap hari oleh petugas mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian penswastaaan ( HSIP ).
- iv. Perkhidmatan Linen.
  - Keperluan dan kebersihan linen yang diperlukan oleh unit di bekalkan oleh perkhidmatan penswastaaan Sedafiat.
- v. Kawalan Infeksi.
  - "**Standard Precaution**" dan "**Hand Hygiene**" sentiasa dipatuhi dan diamalkan bagi mengelak infeksi merebak secara jangkitan silang.
  - Peralatan dan linen yang tercemar dilupuskan atau diurus dengan tatacara mengikut garis panduan yang sedia ada.
  - Peralatan/bahan yang digunakan oleh pesakit yang dijangkiti penyakit berjangkit akan diurus dengan mengikut garis panduan yang digunapakai.
  - Peraturan dan garis panduan yang perlu dipatuhi adalah: "**Policies and Procedure on infection Prevention and Control version 2018**" dan "**Disinfection and sterilization policy and practice, Ministry of Health**" Fourth Edition 2002.
- vi. Pengurusan Aset.

- Tatacara Perolehan peralatan dan penyelenggaraan adalah dilakukan mengikut **Tatacara pengurusan aset alih kerajaan (TPA)**
- vii. Keselamatan Hartabenda Pesakit
- Pesakit dinasihatkan supaya tidak membawa barang-barang berharga semasa rawatan dialisis. Anggota tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan hartabenda pesakit.
- viii. Kemasukan ke wad.
- Pesakit akan didaftar dan maklumat pesakit serta waris akan direkod/catit.
  - Pesakit yang dimasukkan ke wad akan diiringi oleh Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Terlatih atau Pembantu Perawatan Kesihatan dengan mengambilkira kepada keadaan am pesakit.
- ix. Bekalan barang-barang suci hama.
- CSSU membekalkan set-set prosedur yang telah di suci hama dan akan diambil oleh Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK).
- x. Penyelenggaraan (Maintenance) dan Pembaikan.
- Perkhidmatan ini telah diswastakan.
  - Aduan kerosakan akan dilaporkan kepada pihak konsesi untuk diambil tindakan melalui panggilan telefon dan no aduan akan diberikan oleh pihak konsesi sebagai bukti aduan telah dilakukan dan menjejaki "progress" pemulihan dijalankan.
  - Setiap aduan akan direkodkan dalam borang "complaint module feedback" dan setelah pemulihan dilakukan, borang ini perlu ditandatangani oleh pengadu. Salinannya perlu diserahkan pada pengurus unit bagi tujuan rekod.
  - Setiap peralatan mempunyai penyelenggaraan berjadual (PPM) sendiri mengikut perjanjian yang telah dipersetujui dengan pihak hospital.
  - Pengurus unit yang menjaga unit dan pegawai aset yang dilantik hendaklah memastikan semua peralatan serta mesin sentiasa diselenggara dan diservis mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak konsesi.
  - Pengurus unit dan Pegawai Aset yang dilantik hendaklah memastikan segala inventori bagi semua peralatan dan harta di unit Hemodialisis dikemaskini.

## **27. RINGKASAN POLISI.**


- 25.1 Kesemua prospek pesakit hemodialisis perlu diperiksa oleh Pakar Nefrologi Hospital Queen Elizabeth terutamanya semasa lawatan klinik Nefrologi oleh Pakar.
- 25.2 Semua pesakit hemodialisis diberitahu sebelum dan selepas prosedur.
- 25.3 Pengurusan rawatan pesakit berdasarkan kepada jadual yang telah di berikan kepada mereka.
- 25.4 Pesakit tetap perlu hadirkan diri 1/2 jam sebelum rawatan dialisis dijalankan.
- 25.5 Pemerhatian kepada pesakit sepanjang rawatan dialisis akan dilakukan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat yang bertugas mengikut senarai semak sediada.

- 25.6 Semua pesakit diberi peringatan ringkas supaya memaklumkan kepada anggota yang bertugas sekiranya terdapat masalah semasa rawatan.
- 25.7 Pesakit tua dan tidak stabil dibenarkan untuk ditemani oleh ahli keluarga sebelum dan semasa rawatan dijalankan.


**6.0 LAMPIRAN**

**6.1 CARTA ALIRAN**


**6.1.1 CARTA ALIRAN PENGENDALIAN PESAKIT "BLUE CODE"**




**6.1.2 PELAN KONTEGENSI UTILITI ( AIR )**




**6.1.3 PENGENDALIAN PESAKIT 'COLLAPSE' DI UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**




**6.1.4 RAWATAN PESAKIT LUAR ( REGULAR ) UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**



**6.1.5 RAWATAN PESAKIT DALAM ( DARI WAD )  
UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**



**6.1.6 RAWATAN PESAKIT HEMODIALISIS DARI ETD (JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA ) DI WAD/UNIT HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**



\*\*WAD/UNIT : Tempat rawatan dialisis dijalankan.

Cth: Rawatan dijalankan di Wad Medikal, staff yang menerima pesakit adalah daripada Wad Medikal

## **6.2 SENARAI BORANG YANG DIGUNAKAN DALAM PEAWATAN PESAKIT DIALISIS DI UNIT HEMODIALISIS**

- 6.1.1 **Haemodialysis Treatment Record** – Record 2
- 6.2.2 **Neph. 1.1 Lampiran 2** – Haemodialysis Clinical Chart
- 6.2.3 **Neph. 1.3** – Dialysis Laboratory Result Chart
- 6.2.4 **PER-PAT 301** – Perkhidmatan Patologi
- 6.2.5 **PER-SS-RA 301** – Borang Permohonan Pemeriksaan Radiologi

## **7. RUJUKAN**

### **7.1 SENARAI BUKU RUJUKAN / GARISPANDUAN YANG DIGUNAKAN DI UNIT HEMODIALISIS**

- 7.1.1 THE NATIONAL HAEMODIALYSIS QUALITY STANDARDS 2018 - KKM
- 7.1.2 NEPHROLOGY SERVICES OPERATIONAL POLICY 2<sup>ND</sup> EDITION- KKM
- 7.1.3 RENAL REPLACEMENT THERAPY CLINICAL PRACTICE GUIDELINES 4<sup>TH</sup> EDITION – KKM
- 7.1.4 HAEMODIALYSIS SECOND EDITION – STANDARD OPERATING PROCEDURES FOR
- 7.1.5 ASSISTANT MEDICAL OFFICERS IN HAEMODIALYSIS – KKM
- 7.1.6 POLICIES AND PROCEDURES ON INFECTION PREVENTION AND CONTROL 3<sup>RD</sup> EDITION - KKM